



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

---

**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2017**

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak

**PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA****PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 2017**  
**Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**  
**(30 markah)****Perincian Pemarkahan Bahagian A**

Karangan berdasarkan bahan rangsangan

1. Pemeriksa akan memeriksa karangan secara holistik dengan berpandukan kriteria yang ditetapkan.
2. Karangan dinilai dari segi pendahuluan, perenggan isi dan penutup. Calon mestilah mengemukakan sekurang-kurangnya tiga isi.
3. Markah karangan akan dinilai oleh pemeriksa secara holistik. Langkah-langkah yang dilakukan semasa pemeriksaan adalah seperti yang berikut:
  - a. Pemeriksa akan membaca karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya. Selepas itu, pemeriksa akan menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
  - b. Selepas itu, pemeriksa akan membaca karangan tersebut untuk kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria penskoran.
  - c. Karangan yang kurang daripada 200 patah perkataan akan diperiksa seperti biasa oleh pemeriksa. Namun demikian, markah keseluruhan akan terjejas disebabkan calon tidak dapat memenuhi kehendak soalan, iaitu karangan perlu ditulis antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**SOALAN:**

*Gambar di bawah menunjukkan kempen Keluarga Bahagia.*

*Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan memiliki keluarga bahagia**. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.*

Kehendak soalan

1. Calon perlu menghuraikan kepentingan memiliki keluarga bahagia.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan:
  - Mengukuhkan institusi keluarga.
  - Melahirkan anak-anak yang berjaya.
  - Membentuk sikap-sikap positif.
3. Sekiranya calon menambahkan isi keempat dan berkaitan dengan kepentingan memiliki keluarga bahagia, isi tersebut boleh diterima.
4. Jika calon menghuraikan ciri-ciri keluarga bahagia, markah pada peringkat **Kurang Memuaskan (10-14)**
5. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, maksimum peringkat **Kepujian (20-25)**.
6. Sekiranya calon mengambil 1 isi yang diberikan dan ditambah dengan 2 isi yang lain, periksa seperti biasa dan layak diberikan **Cemerlang (26-30)**.
7. Dalam konteks penandaan, pemeriksa boleh mengabaikan arahan panjang karangan antara 200 hingga 250 patah perkataan, sebaliknya berpegang pada masa menjawab 45 minit kerana kita tidak mahu menyekat daya kreativiti calon di samping memberikan keyakinan kepada calon yang tidak mempunyai kemampuan untuk menulis dengan lebih panjang.
8. **Komen Pemeriksa:**
  - T = Tugas
  - I = Idea
  - B = Bahasa
  - P = Pengolahan

Contoh penulisan komen:

8.1 **Cemerlang** (27 markah)

- T** - Karangan menepati tugas.
- I** - Idea relevan dan idea dihuraikan dengan jelas serta matang.
- B** - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.
- P** - Pengolahan menarik dan berkesan.

8.2 **Kepujian** (24 markah)

- T** - Karangan menepati tugas.
- I** - Idea relevan dan dihuraikan dengan jelas.
- B** - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas.
- P** - Pengolahan menarik.

8.3 **Memuaskan** (17 markah)

- T** - Karangan masih menepati tugas.
- I** - Idea masih relevan dan huraian idea masih jelas. Huraian idea masih tersusun dan berfokus.
- B** - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata umum.
- P** - Pengolahan masih menarik.

8.4 **Kurang Memuaskan** (11 markah)

- T** - Karangan kurang menepati tugas.
- I** - Idea kurang relevan dan huraian idea kurang jelas.
- B** - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata terhad.
- P** - Pengolahan kurang menarik.

8.5 **Pencapaian Minimum** (07 markah)

- T** - Kurang menjawab tugas
- I** - Kurang relevan, huraian tidak jelas, contoh tidak sesuai
- B** - Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis
- P** - Pengolahan tidak menarik

## BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)

## PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>26 – 30</b> (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> </ul>
<b>Kepujian</b>	<b>20 – 25</b> (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
<b>Memuaskan</b>	<b>15 – 19</b> (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
<b>Kurang Memuaskan</b>	<b>10 -14</b> (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara</b>. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>kurang</b> jelas.</li> </ul>
<b>Pencapaian Minimum</b>	<b>01 – 09</b> (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

**Perlu diberi perhatian**

1. Adakah calon menjawab tugas? (tema)
2. Adakah idea calon relevan mengikut tugas?
3. Adakah penggunaan bahasa calon lancar, bervariasi dan mempunyai ungkapan?


Catatan :

- Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan.
- Calon digalakkan menggunakan ungkapan menarik (peribahasa, kata-kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya).

**PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 – KARANGAN BAHAGIAN B**  
**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**  
**[100 markah]**

**Cara Pemeriksaan :**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan :
  - a) Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa.
  - b) Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

( )	= Kesalahan isi
_____	= Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan yang berulang
	= Kesalahan tanda baca

**KRITERIA DAN DESKRIPSI**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
<b>BAHASA</b> (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kegramatisan<ul style="list-style-type: none"><li>- kata (morfologi)</li><li>- ayat (sintaksis)</li></ul></li><li>• Tanda baca</li><li>• Ejaan</li></ul>
<b>LARAS</b> (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemilihan kosa kata</li></ul>
<b>IDEA (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tema</li><li>• Isi utama</li><li>• Pengembangan (huraian / bahasa / hujahan / contoh)</li><li>• Kerelevanan</li></ul>
<b>PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wacana</li><li>• Logik</li><li>• Pemerenggan</li><li>• Format</li></ul>
<b>GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Keindahan bahasa</li><li>• Ungkapan</li><li>• Peribahasa</li></ul>



## PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN B

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<p><b>CEMERLANG</b> <b>80 – 100</b></p> <p>A - (90 – 100) B - (80 – 89)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan <b>jelas</b> dan <b>matang</b>, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> yang gramatis.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> sangat menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> </ul>
<p><b>KEPUJIAN</b> <b>66 – 79</b></p> <p>A - (73 – 79) B - (66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan <b>jelas</b>, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan tanda baca betul.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa masih menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> </ul>

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<p style="text-align: center;"><b>BAIK</b> <b>51 – 65</b></p> <p>A - (58 – 65) B - (51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi <b>masih</b> jelas dan contoh masih sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul.</li> <li>• Penggunaan pelbagai <b>ayat</b> masih gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan masih</b> menarik, dan pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih lengkap.</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>MEMUASKAN</b> <b>36 – 50</b></p> <p>A - (43 – 50) B - (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> terhad.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b> dan terhad.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>• <b>Laras bahasa kurang</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa kurang</b> bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> <li>• <b>Pengolahan kurang</b> menarik.</li> <li>• <b>Wacana masih / kurang</b> lengkap.</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>KURANG MEMUASKAN</b> <b>21 – 35</b></p> <p>A - (28 – 35) B - (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea</b> masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kata</b> kurang tepat.</li> <li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Ayat tidak gramatis</b> tetapi <b>masih difahami</b>.</li> <li>• <b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> </ul>

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<p><b>PENCAPAIAN MINIMUM 01 – 20</b></p> <p>A - (11 – 20) B - (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea</b> bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>• Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang <b>ketara</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>

**Perlu Diberi Perhatian**

1. Adakah calon menjawab tugas? (tema)
2. Adakah idea calon relevan mengikut tugas?
3. Adakah penggunaan bahasa calon lancar, bervariasi dan mempunyai ungkapan?
4. Pengolahan menarik atau tidak.

**PANDUAN PENULISAN KOMEN PEMERIKSA (MESTI TULIS)**

<b>MARKAH YANG DITETAPKAN</b>	<b>KOMEN PEMERIKSA</b>
Cemerlang - 83	T - menjawab tugas I - relevan, huraian jelas dan matang, contoh sesuai B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat P - sangat menarik dan berkesan
Kepujian - 75	T - menjawab tugas I - relevan, huraian jelas dan contoh sesuai B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas P - menarik dan berkesan
Baik - 63	T - masih menjawab tugas I - masih relevan, huraian masih jelas, contoh masih sesuai B - masih gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata umum P - masih menarik
Memuaskan - 46	T - masih menjawab tugas I - masih relevan, huraian kurang jelas, contoh kurang sesuai B - masih gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata umum dan terhad P - kurang menarik
Kurang memuaskan - 34	T - masih menjawab tugas I - masih relevan tetapi huraian tidak jelas, contoh tidak sesuai B - tidak gramatis dari segi kata dan ayat P - tidak menarik
Pencapaian minimum - 14	T - tidak menjawab tugas I - tidak relevan, idea bercampur aduk B - tidak gramatis dari segi kata dan ayat P - tidak menarik

**Cara Menulis Markah**

- K** - Peringkat markah (75)  
**-E** - maksimum 3 markah - (03)  
**-F** - maksimum 2 markah - (02)
- J** - Markah bersih (70)

**SOALAN 1**

Kes keracunan makanan yang berlaku akhir-akhir ini disebabkan oleh sikap kurang prihatin seseorang terhadap penjagaan kebersihan.

Sebagai pelajar yang prihatin, jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan diri menjadi mangsa keracunan makanan.

DIMENSI : INDIVIDU  
SKOP : Gaya Hidup Sihat (Unit 8 Tingkatan 4)

- a) **Format:** Tiada
- b) **Diharapkan calon dapat:**
- Menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa keracunan makanan.
  - Calon juga perlu menghuraikan sikap kurang prihatin terhadap penjagaan kebersihan seperti mengambil makanan yang sudah tercemar, makan di gerai yang tidak bersih, tidak mementingkan kualiti makanan dan lain-lain.
- c) **Kemungkinan:**
- i. Calon menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh remaja / pelajar / saya – **diterima**
  - ii. Calon menghuraikan sebab-sebab keracunan makanan – **Kurang memuaskan (21-35)**
- d) **Isi Cadangan:**
- i. Memastikan makan makanan yang baru dimasak / disediakan dalam tempoh 4 jam.
  - ii. Mengelakkan makan makanan yang terdedah / tercemar.
  - iii. Memastikan kualiti makanan (bau, rasa, rupa) dalam keadaan baik.
  - iv. Mengenal pasti tahap kebersihan tempat penyediaan / penjualan makanan (terhindar daripada lipas, tikus dan lain-lain).
  - v. Mengelakkan makan pelbagai jenis makanan dengan banyak pada satu masa.
  - vi. Memilih premis / restoran yang telah mendapat pengiktirafan kebersihan (gred A / B) daripada KKM.

**SOALAN 2**

Media massa sering memaparkan iklan barangan dan perkhidmatan untuk melahirkan pengguna yang bijak. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk 'Peranan Iklan dalam Melahirkan Pengguna yang Bijak'.

Tulis rencana itu selengkapnya.

DIMENSI : MASYARAKAT  
SKOP : Dunia Semakin Canggih (Unit 3 Tingkatan 4)

- a) **Format: Rencana**  
Tajuk - 1 markah  
Nama Penulis - 1 markah  
(Maksimum – tolak 2 markah)
- b) **Diharapkan calon dapat:**  
- Menulis rencana tentang peranan / fungsi / kepentingan iklan barangan dan perkhidmatan untuk melahirkan pengguna yang bijak.
- c) **Kemungkinan:**
- i. Calon menulis iklan barangan / perkhidmatan sahaja (salah satu) dan dikaitkan dengan melahirkan pengguna yang bijak – **Kepujian Atas (73-79) sekiranya bahasa baik**
  - ii. Calon menulis peranan iklan secara umum dan tidak dikaitkan dengan melahirkan pengguna yang bijak – **Baik (51-65)**
  - iii. Calon hanya menulis iklan melahirkan pengguna yang bijak tanpa menjelaskan peranan iklan - **Baik (51-65)**
  - iv. Calon menghuraikan kesan / pengaruh iklan kepada masyarakat – **Kurang Memuaskan (21-35)**
- d) **Isi Cadangan:**
- i. Mempromosikan barangan atau perkhidmatan – pengguna dapat merancang perbelanjaan.
  - ii. Saluran informasi kerajaan kepada rakyat tentang kempen-kempen yang dilaksanakan – pengguna memperoleh maklumat yang tepat.
  - iii. Memberi pilihan barangan atau perkhidmatan kepada masyarakat – pengguna dapat membuat pilihan mengikut kemampuan dan keperluan.
  - iv. Strategi malariskan perniagaan – pengguna dapat membezakan tujuan iklan.
  - vi. Menyampaikan maklumat dan panduan kepada masyarakat – pengguna bijak membuat keputusan / pertimbangan yang rasional.

**SOALAN 3**

Orang Kelainan Upaya (OKU) turut memberi sumbangan untuk memajukan negara dalam pelbagai bidang.

Ulaskan pernyataan di atas.

DIMENSI : NEGARA  
SKOP : Kemanusiaan Sejagat (Unit 1 Bahagian C Tingkatan 5)

- a) **Format:** Tiada
- b) **Diharapkan calon dapat:**
- mengulas pernyataan tentang sumbangan-sumbangan OKU untuk memajukan negara dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, sukan, keusahawanan dan kesenian.
- c) **Kemungkinan:**
- i. Calon menghuraikan satu bidang sahaja – **Diterima – Kepujian Bawah (66-72)**
  - ii. Calon menghuraikan langkah-langkah untuk membantu golongan OKU – **Kurang Memuaskan (21-35)**
- d) **Isi Cadangan:**
- i. Pendidikan
    - menjadi pensyarah / tenaga pengajar di IPT - contoh Prof. Datuk Dr. Ismail Md Saleh.
    - menjalankan kajian saintifik - Chandra Muzaffar.
    - motivator – Raja Shamri b. Raja Husin.
  - ii. Sukan
    - mengharumkan nama negara di mata dunia (sukan Paralimpik) - contoh Muhammad Ziyad Zolkefli.
  - iii. Kesenian
    - nyanyian - Caliph Buskers (masalah penglihatan), Siti Musliha.
    - penggiat sastera - Ras Adibah Radzi, Ramlah Jali, dsb.
    - penggubah lagu / komposer – Azmeer.

Sekiranya calon menggunakan contoh OKU dari negara luar, diterima

**SOALAN 4**

Jenayah pemerdagangan manusia kini merentas sempadan negara. Hal ini memerlukan kerjasama yang berkesan antara negara untuk menanganinya.

Bincangkan.

DIMENSI : ANTARABANGSA

SKOP : Senario Masyarakat Kita (Unit 1 Tingkatan 4)

- a) **Format:** Tiada
- b) **Diharapkan calon dapat:**
- Membincangkan jenayah pemerdagangan manusia dan menghuraikan kerjasama / tindakan / langkah / usaha / inisiatif antara negara untuk menangani jenayah pemerdagangan manusia.
- c) **Kemungkinan:**
- i. Calon menjelaskan tindakan menangani jenayah pemerdagangan manusia dalam konteks sempadan sebuah negara sahaja (Contoh Malaysia-Thailand sahaja) – **Diterima dan diperiksa seperti biasa**
  - ii. Calon menghuraikan kerjasama / tindakan / langkah / usaha / inisiatif antara negara untuk menangani jenayah pemerdagangan manusia tanpa menyatakan jenayah pemerdagangan manusia – **Kepujian Atas (73-79) sekiranya bahasa baik**
  - iii. Calon hanya membincangkan secara umum tentang isu pemerdagangan manusia - **Memuaskan Bawah (36-42) – calon tidak mengaitkan huraian dengan tindakan untuk menangani jenayah pemerdagangan manusia.**
  - iv. Karangan tidak berfokus pada kerjasama antara negara tetapi kerjasama di peringkat negara (dalaman sahaja – contoh kerjasama antara agensi kerajaan Malaysia sahaja) – **Kurang Memuaskan (21-35)**
- d) **Isi Cadangan:**
- Contoh pemerdagangan manusia** - buruh paksa, pengemis jalanan, sindiket pelacuran, penjualan bayi, penjualan organ manusia, perhambaan, perkahwinan kanak-kanak.
- i. Kerajaan di setiap negara menguatkuasakan tahap keselamatan di semua pintu sempadan negara masing-masing.
  - ii. Kerajaan setiap negara mengadakan kerjasama strategik dalam menangani jenayah rentas sempadan – rondaan di kawasan perairan (ESSCOM-Tentera Filipina)
  - iii. Kerajaan mewujudkan pelan strategik dalam aspek keselamatan serantau.
  - iv. Media massa di setiap negara mendedahkan isu pemerdagangan manusia secara telus dan meluas kepada umum supaya tindakan dapat diambil.
  - v. NGO di setiap negara membantu mangsa dari sudut psikologi, material dan undang-undang.
  - vi. Masyarakat / orang ramai melaporkan/memberi maklumat kepada pihak berkuasa.



**SOALAN 5**

Peribahasa ‘Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis’ boleh dikaitkan dengan amalan berjimat cermat.

Berikan pendapat anda tentang faedah-faedah amalan berjimat cermat dalam kehidupan generasi muda kini.

DIMENSI : SASTERA  
SKOP : Seni Sastera Khazanah Bangsa (Unit 11 Bahagian C Tingkatan 5)

- a) **Format:** Tiada
- b) **Diharapkan calon dapat:**
- Menulis karangan pendapat tentang faedah-faedah amalan berjimat cermat dalam kehidupan **generasi muda** kini.
- c) **Kemungkinan:**
- i. Calon menghuraikan faedah-faedah amalan berjimat cermat mencakupi 2 aspek (kewangan dan penjimatan tenaga elektrik / air) – **Diterima**
  - ii. Calon menghuraikan faedah-faedah amalan berjimat cermat dalam kehidupan remaja / pelajar sahaja – **Kepujian Bawah (66 -72)**
  - iii. Calon menghuraikan satu sahaja daripada amalan berjimat cermat (menabung / penjimatan bil utiliti / kewangan) – **Kepujian Bawah (66 -72)**
  - iv. Calon menghuraikan faedah-faedah amalan berjimat cermat tanpa mengaitkan dengan generasi muda – **Baik (51-65)**
  - v. Calon menghuraikan faktor / langkah atau apa-apa aspek selain faedah amalan berjimat cermat – **Kurang Memuaskan (21-35)**
- d) **Isi Cadangan:**
- i. Persediaan untuk menghadapi kecemasan.
  - ii. Menabung untuk keperluan pendidikan / rekreasi / melancong / ibadah haji, umrah, korban.
  - iii. Mendidik diri supaya berbelanja secara berhemat.
  - iv. Mengelakkan sikap suka berhutang (prinsip ‘biar papa asal bergaya’ dapat dielakkan).
  - v. Mengelakkan pembaziran tenaga (elektrik / air).
  - vi. Mengelakkan pembaziran makanan.
  - vii. Membudayakan amalan berjimat cermat dalam kalangan generasi muda.
  - viii. Membudayakan amalan kitar semula – menyelamatkan alam sekitar.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

---

**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2017**

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 2

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 21 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

**PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN  
MAKTAB RENDAH SAINS MARA  
PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 2017  
Markah Penuh : 110 markah**

**Soalan 1 : Rumusan**

Markah penuh 30 dibahagi kepada

- (a) Isi - 20 markah  
(b) Bahasa - 10 markah

**(a) Isi [20 markah]****Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian											Markah
Pendahuluan											2
Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
Penutup/ Kesimpulan											2
											20

**Soalan 1: Rumusan****Pendahuluan [2 markah]**

- P1 Petikan membincangkan faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / keistimewaan-keistimewaan pengurusan kewangan kepada remaja di Malaysia / di negara kita. 2
- P2 Petikan membincangkan faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / keistimewaan-keistimewaan pengurusan kewangan kepada remaja dan punca-punca golongan remaja diisytiharkan muflis. 2
- P3 Rumusan ini membincangkan faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / keistimewaan-keistimewaan pengurusan kewangan kepada remaja dan halangan-halangan remaja untuk melaksanakannya. 2
- P4 Petikan membincangkan faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / keistimewaan-keistimewaan pengurusan kewangan kepada remaja. 1
- P5 Petikan membincangkan kepentingan pengurusan kewangan kepada remaja di Malaysia / di negara kita. 0
- P6 Petikan membincangkan faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / keistimewaan-keistimewaan pengurusan kewangan kepada remaja dan halangan-halangan untuk remaja melaksanakannya. 0

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]****Kepentingan pengurusan kewangan kepada remaja**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| S1 | <b>membolehkan</b> remaja merancang masa depan <b>dengan lebih strategik</b>                                      | 2 |
| S2 | <b>dapat memastikan</b> remaja <b>mampu membayar balik</b> wang pinjaman pendidikan                               | 2 |
| S3 | remaja <b>boleh menggunakan</b> wang simpanan yang dikumpulkan <b>untuk memulakan perniagaan</b>                  | 2 |
| S4 | remaja juga <b>dapat memastikan</b> mereka mempunyai simpanan wang yang <b>cukup</b>                              | 2 |
| S5 | <b>dapat membantu</b> mereka untuk melanjutkan pelajaran <b>pada peringkat yang lebih tinggi</b>                  | 2 |
| S6 | <b>dapat mengelakkan</b> mereka terbelenggu dengan masalah kekurangan wang saku <b>sepanjang tempoh pengajian</b> | 2 |
| S7 | <b>dapat membantu</b> remaja <b>khususnya yang belajar di universiti menampung perbelanjaan</b>                   | 2 |
| S8 | mereka <b>mampu membeli dan memiliki</b> hartanah yang <b>boleh menjamin masa depan</b>                           | 2 |
| S9 | <b>membolehkan</b> remaja menggunakan wang <b>untuk tujuan pelaburan</b>  | 2 |

**Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]****Halangan untuk melaksanakannya**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| T1 | Remaja boros berbelanja terutamanya apabila terpengaruh dengan kempen jualan murah.  | 2 |
| T2 | Remaja mengamalkan gaya hidup mewah di luar daripada kemampuan / melebihi pendapatan / ghairah menggunakan wang untuk membeli barangan berjenama / kereta / gajet canggih.         | 2 |
| T3 | Remaja terjebak dengan jerat skim pelaburan / perniagaan MLM / skim cepat kaya.  | 2 |
| T4 | Remaja terpaksa menanggung kos sara hidup / beban kewangan yang tinggi.  | 2 |
| T5 | Remaja terpaksa membayar balik pinjaman pendidikan dalam tempoh yang panjang / PTPTN.  | 2 |
| T6 | Ibu bapa kurang mengingatkan remaja tentang kepentingan menguruskan wang / menabung untuk jaminan masa depan.  | 2 |
| T7 | Pihak bank / institusi kewangan tidak mampu menarik minat remaja untuk menyimpan / menabung.   | 2 |
| T8 | Kempen untuk menyedarkan remaja tentang kebaikan menabung / menyimpan / menguruskan kewangan secara bijak / membuat pelaburan melalui saluran yang betul kurang mendapat sambutan. | 2 |
| T9 | Remaja membelanjakan wang untuk berhibur / hedonisme / rekreasi.   | 2 |

**(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima dan 'dipayungkan' kepada mana-mana isi tersirat sedia ada)**

**Kesimpulan [2 markah]**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, remaja perlulah bijak menguruskan kewangan agar masa depan mereka terjamin.   | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, remaja hendaklah menguasai ilmu pengurusan kewangan supaya mereka tidak terjebak dengan masalah kewangan pada masa hadapan. | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, remaja sewajarnya cekap menguruskan kewangan sendiri agar mereka tidak berdepan dengan masalah kewangan yang meruncing.     | 2 |
| K4 | Kesimpulannya, semua pihak perlu menyedarkan remaja tentang pengurusan kewangan yang cekap agar hidup mereka lebih terjamin.               | 2 |
| K5 | Kesimpulannya, remaja perlu menguruskan kewangan mereka dengan bijak.  | 1 |
| K6 | Kesimpulannya, pengurusan kewangan amat penting untuk semua pihak.   | 0 |
| K7 | Kesimpulannya, pengurusan kewangan yang bijak amat penting dalam kehidupan.  | 0 |
| K8 | Kesimpulannya, menguasai ilmu pengurusan kewangan amat perlu.  | 0 |

**Nota: K6, K7 dan K8 tidak berbentuk cadangan.**

**(Kesimpulan yang sesuai dan menepati tema boleh diterima)**

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	- Kesenambungan isi baik. - Sturuktur ayat / tatabahasa baik. - Kosa kata luas. - Tanda bacaan / ejaan baik.
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	- Kesenambungan isi masih baik. - Sturuktur ayat / tatabahasa masih memuaskan. - Kosa kata masih memuaskan. - Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan.
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan.

**Nota**

- i. Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120 patah perkataan**, markah tidak dipotong.
- v. Markah bahasa maksimum **ialah 10 markah**.

**Soalan 2 : Pemahaman**

Markah penuh **35 markah** dibahagikan kepada

Soalan 2 (a) : **9** markah

Soalan 2 (b) : **9** markah

Soalan 2 (c) : **8** markah

Soalan 2 (d) : **9** markah

**Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/ sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis.	2
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup.	1
Jawapan tidak tepat / salah.	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis.	3
Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis.	2
Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis.	
Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis.	1
Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis.	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis.	4
Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis.	3
Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis.	2
Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis.	1
Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis.	0



**Soalan 2(a): Petikan Umum**

- (i) Maksud rangkai kata *sumber yang terhad*.  
 - punca yang terbatas / sedikit 2  
 - sumber yang terbatas 1  
 - punca yang terhad 1  
**[Maksimum: 2 markah]**
- (ii) Punca golongan muda diisytiharkan muflis.  
 - Ketidakecekapan menguruskan kewangan sendiri. 1  
 - Kegagalan perancangan kewangan yang baik. 1  
 - Kurangnya pendidikan mengenai kaedah berbelanja secara berhemat. 1  
**[Maksimum: 3 markah]**  
**[Isi cukup: 2 isi]**
- (iii) Usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengelakkan remaja terjebak dengan skim-skim pelaburan cepat kaya.  
 - Kerajaan / institusi kewangan mengadakan kempen menggalakkan remaja melabur melalui institusi kewangan / pihak yang berautoriti *supaya pelaburan dijamin sah di sisi undang-undang*. 1  
 - Kerajaan / institusi kewangan / memberikan pendedahan kepada remaja tentang skim-skim pelaburan yang tidak sah dan hanya bertujuan untuk mengaut keuntungan sahaja. 1  
 - Kerajaan / institusi kewangan menganjurkan seminar berkaitan ilmu pengetahuan asas pelaburan *supaya remaja boleh membezakan antara pelaburan yang sah atau tidak sah di sisi undang-undang*. 1  
 - Media massa memaparkan syarikat-syarikat pelaburan berasaskan skim cepat kaya kepada masyarakat melalui akhbar / majalah / berita *supaya kegiatan penipuan mereka terbongkar*. 1  
 - Ibu bapa sentiasa mengingatkan remaja tentang bahaya / kesan negatif / kerugian jika remaja melibatkan diri dalam pelaburan skim cepat kaya. 1  
 - Masyarakat sentiasa melaporkan kegiatan syarikat-syarikat yang menawarkan skim pelaburan cepat kaya *supaya pihak berkuasa dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka*. 1  
 - Remaja perlu sentiasa mencari informasi / maklumat berkaitan sektor-sektor pelaburan yang sah dan memberikan pulangan yang menguntungkan. 1  
 - Remaja perlu bersikap lebih berhati-hati apabila disogokkan dengan skim-skim pelaburan yang menawarkan keuntungan secara berlipat ganda *supaya tidak mudah tertipu dengan tawaran*. 1

**(Usaha lain yang berkaitan boleh diterima)**

**(Jika calon mengemukakan isi berserta huraian – isi cukup 2 [1+1])**

**(Jika calon mengemukakan isi tanpa huraian- isi cukup 3)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2 (b) – Petikan Drama**

(i) Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam Program Penghayatan Sastera dan Budaya (PPSB) ialah:

- Pelajar akan diperkenalkan dengan puisi tradisional dan moden, seperti syair, pantun, seloka, gurindam dan nazam. 1
- Pelatih akan dibahagikan dalam kumpulan. 1
- Setiap kumpulan akan membuat persembahan pentas selama 10 minit. 1

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Langkah-langkah yang perlu dilakukan **untuk memartabatkan** bidang kesusasteraan tanah air ialah:

- Pihak Kementerian Pendidikan menjadikan subjek kesusasteraan sebagai subjek elektif **di semua sekolah**. 1
- Pihak Kementerian Pendidikan **memperkasakan** subjek kesusasteraan di peringkat sekolah 1
- Guru **mempelbagaikan kaedah** pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat pelajar terhadap subjek berkenaan / tayangan video / lakonan 1
- Sekolah **menjemput tokoh sastera/budaya/sasterawan** untuk berkongsi ilmu pengetahuan/pengalaman. 1
- Sekolah **menggiatkan** aktiviti sastera dalam pertandingan kebahasaan. 1
- Pihak kerajaan **mempergiat kempen** mempelajari bidang kesusasteraan. 1
- Dewan Bahasa dan Pustaka / NGO mengadakan bengkel / seminar berkaitan bidang kesusasteraan **secara berterusan**. 1
- Ibu bapa menggalakkan / mengajak anak-anak membaca buku-buku sastera. 1
- Media massa **membanyakkan** rancangan berunsurkan sastera 1

(Langkah lain yang berkaitan boleh diterima)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) **Satu** nilai yang terdapat dalam petikan teks

- **Nilai patriotisme**  
Contoh: Walau maju macam mana sekalipun sesuatu bangsa itu, mereka tetap memegang jati diri bangsa mereka. 1+1
- **Nilai kerjasama**  
Contoh: Setiap kumpulan membuat persembahan pentas selama 10 minit. 1+1
- **Nilai bertanggungjawab / cinta akan ilmu / nasihat-menasihati**  
Contoh: Cikgu Dahari menasihati Nora supaya mementingkan ilmu pengetahuan walaupun apa-apa bidang yang diceburinya. 1+1

**Satu** nilai lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan

- **Nilai amanah**  
Contoh: Posmen yang amanah dalam menjalankan tugas. 1+1
- **Nilai kasih sayang**  
Contoh: Nek Sinah menyayangi Aiman seperti cucunya sendiri. 1+1
- **Nilai ketegasan**  
Contoh: Bapa Aiman tegas tidak mahu membantunya mendapatkan pengecualian untuk menghadiri kem PLKN. 1+1

**(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**(2 isi dengan huraian yang lengkap mencukupi untuk markah maksimum)**

**[Maksimum: 4 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional**

(i) Maksud rangkai kata *sesaat itu juga ditalak baginda*

- Pada masa / waktu / ketika itu juga / jua diceraikan oleh Duli Yang Dipertuan / Sultan 2
- Sesaat itu juga / jua diceraikan oleh Duli Yang Dipertuan / Sultan 1
- Pada masa / waktu / ketika itu juga / jua ditalak baginda 1
- Dengan pantas / segera diceraikan oleh Sultan 0

**[maksimum : 2 markah]**

(ii) Reaksi Sultan setelah Seri Nara Diraja bersetuju untuk mengahwini Tun Kudu

- Menceraikan Tun Kudu / sesaat itu juga ditalak baginda 1
- Menghantarnya ke rumah Paduka Raja 1
- Memberikan belanja / wang perbelanjaan / nafkah 1
- Menyuruh berkahwin dengan Seri Nara Diraja 1

**[maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

(iii) Cara-cara yang perlu dilakukan untuk mengukuhkan ikatan perkahwinan setiap pasangan

- Bertoleransi / bertanggungjawab / hormat-menghormati antara pasangan 1
- Rujuk ibu bapa / orang yang berpengalaman / pakar / kaunselor sekiranya menghadapi masalah dalam rumah tangga 1
- Berkomunikasi secara berkesan 1
- Beriadah / melancong / bercuti / berekreasi bersama-sama 1
- Saling berkongsi masalah kerja / kewangan / peribadi yang dihadapi 1
- Menghadiri kursus / ceramah / program keluarga bahagia 1
- Mendalami ilmu agama / membaca buku agama 1

**(Cara lain yang berkaitan boleh diterima)**

**[maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

**Soalan 2(d) : Sajak**

- (i) Setelah penyajak membaca langit, penyajak dapat melihat
- Pohon-pohon kayan / pokok-pokok kayu rapuh / reput 1
  - Dahan dan ranting terkulai / patah 1
  - Daun-daun berguguran (*helai demi helai*) 1

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

- (ii) Pada pendapat saya, segelintir remaja kini tidak menggunakan bahasa Melayu yang betul semasa berkomunikasi kerana
- Beranggapan bahawa bahasa Melayu itu tiada kelasnya yang tersendiri 1
  - Malu untuk menggunakan bahasa Melayu 1
  - Trend remaja kini yang menggunakan bahasa slanga 1
  - Latar belakang keluarga / pengaruh keluarga yang menggunakan bahasa asing / dialek daerah / negeri 1
  - Terpengaruh dengan rakan / media massa / rancangan televisyen / artis pujaan 1

**(Jawapan lain yang berkaitan boleh diterima)**

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

- (iii) **Dua persoalan** daripada sajak ialah
- **Persoalan keindahan alam ciptaan Tuhan**  
Contoh : Penyajak menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan yang digambarkan melalui awan yang bergumpal, angin yang berhembus dan banjaran gunung. 1+1
  - **Persoalan kedaulatan bahasa Melayu yang kian hilang**  
Contoh : Penyajak mendapati bahawa semakin lama semakin kurang orang yang mendaulatkan bahasa Melayu walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan. 1+1
  - **Persoalan kesedihan pejuang bahasa terhadap nasib bahasa Melayu**  
Contoh : Para pejuang bahasa yang cinta akan bahasa Melayu berasa sedih melihat nasib bahasa Melayu yang tidak dimartabatkan. 1+1
  - **Persoalan bahasa sebagai maruah bangsa**  
Contoh : Bahasa Melayu harus dipertahankan dan dimartabatkan oleh semua warga agar tidak terpinggir. 1+1
  - **Persoalan jati diri anak bangsa yang semakin terancam.**  
Contoh : Bangsa Melayu kian terhakis adab dan akhlak akibat daripada kemodenan negara. 1+1

**(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)****(2 isi dengan huraian yang lengkap mencukupi untuk markah maksimum)**

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**Markah penuh **30 markah** dibahagikan kepadaSoalan 3 (a) : **6** markahSoalan 3 (b) : **6** markahSoalan 3 (c) : **6** markahSoalan 3 (d) : **6** markahSoalan 3 (e) : **6** markah**Soalan 3 (a) – Membina ayat**

1. Beri **1** markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0** markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0** markah.
5. Sengaja meninggalkan/menambah/mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0** markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur ayat cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak begitu jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
10. Boleh guna partikel -kah, -lah, -nya, -ku, dan -mu.
11. Isi tidak logik, berikan **0** markah.

**Jawapan 3(a) – Morfologi (binaan ayat)**

- |       |                  |  |
|-------|------------------|--|
| (i)   | <b>merebus</b>   | 1. memasak sesuatu dalam air, menggodok : <i>merebus keledak, merebus air</i>  |
| (ii)  | <b>mereneh</b>   | 1. mendidih<br>2. meleleh (air mata dll)   |
| (iii) | <b>menanak</b>   | 1. memasak nasi (dalam periuk, kawah, dll)<br>2. memasak sesuatu dengan merebusnya sahaja : <i>menanak kentang</i>   |
| (iv)  | <b>mencelur</b>  | 1. memasukkan (mencelupkan) sesuatu (sayur dsb) untuk beberapa ketika ke dalam air panas (supaya lembut)   |
| (v)   | <b>mengukus</b>  | 1. memasak atau memanaskan sesuatu dengan menggunakan wap air mendidih<br>2. memanaskan cairan (seperti air dll) hingga menjadi wap yang kemudian bertukar semula menjadi cairan |
| (vi)  | <b>menjerang</b> | 1. meletakkan (periuk dll) di atas api untuk memasak<br>2. memasak : <i>memasak nasi</i>   |

**[Maksimum : 6 markah]**

**Jawapan 3(b) – Sintaksis (ayat majmuk)**

- Melaka merupakan destinasi pelancongan **kerana** mempunyai bangunan-bangunan bersejarah **dan** tempat-tempat menarik. 2
- Kerajaan negeri mengadakan pelbagai usaha mempromosikan Melaka **dengan** mengadakan kempen Melawat Melaka Bererti Melawat Malaysia **supaya** Melaka lebih dikenali oleh pelancong-pelancong. 2
- Peluang pekerjaan terbuka luas **apabila** banyak pelancong mengunjungi Melaka **sehingga** ekonomi Melaka meningkat. 2

[Maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3(c) – Kesalahan Ejaan dan Imbuhan**

- |       |                    |   |                     |
|-------|--------------------|---|---------------------|
| (i)   | mensifatkan tempuh | - | menyifatkan tempoh  |
| (ii)  | definasi rujukan   | - | definisi merujuk    |
| (iii) | mengimbas disetiap | - | pengimbas di setiap |

[Maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3(d) – Kesalahan Istilah/kata dan tatabahasa**

- |       |                                 |   |   |
|-------|---------------------------------|---|---|
| (i)   | pemberian semua pelajar-pelajar | - | penyampaian semua pelajar / pelajar-pelajar |
| (ii)  | membacakan oleh kerana          | - | mendeklamasikan oleh sebab                  |
| (iii) | berapa menaiki                  | - | beberapa mendaki                            |

[Maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3(e) - Peribahasa**

- (i) Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
- (ii) Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.
- (iii) Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.
- (iv) Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.
- (v) Malu berkayuh perahu hanyut, malu bertanya sesat jalan.
- (vi) Seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

[Maksimum : 6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a) (i) Jawapan berdasarkan novel-novel yang dipelajari
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap konflik antara watak yang betul
- (iv) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap / jelas
- (v) Beri 0 markah bagi konflik antara watak yang tidak betul
- (vi) Markah isi maksimum 4 markah
- (vii) Markah bahasa diberikan secara '*impression*'
- |           |            |
|-----------|------------|
| Baik      | : 3 markah |
| Sederhana | : 2 markah |
| Lemah     | : 1 markah |
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.
- [Maksimum: 7 markah]**
- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah untuk satu peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian bagi setiap novel.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas.
- (v) Markah isi, maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
- (vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberikan secara '*impression*'
- |       |            |
|-------|------------|
| Baik  | : 2 markah |
| Lemah | : 1 markah |
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab, 0 markah.

**[Maksimum: 8 markah]**



## 4 (a) Dua konflik antara watak yang terdapat dalam novel tersebut.

<b>Novel</b>	<b>Konflik (1m)</b>	<b>Huraian (1m)</b>
<b>Leftenan Adnan Wira Bangsa</b>	Konflik antara penduduk kampung.	Lebai Pian mempertikaikan tindakan Pak Saidi yang menghantar anaknya, Adnan ke sekolah Inggeris.
	Konflik antara anak dengan ibu.	Ibu Adnan, Mak Milah tidak bersetuju dengan cita-cita Adnan yang ingin menjadi tentera dan lebih suka anaknya menjadi guru tetapi Adnan tetap dengan cita-citanya untuk menjadi askar.
	Konflik antara rakan sekampung.	Adnan dan Budin hampir bertumbuk akibat perasaan tidak puas hati Budin kerana pasukan bola sepaknya kalah dalam pertandingan.
<b>Tirani</b>	Konflik antara rakan sekolah.	Waheeda amat marah kepada kawan-kawannya sewaktu di sekolah kerana mereka mengejeknya dengan panggilan Eda Keropok (hidungnya penyek) dan wajahnya berjerawat.
	Konflik antara suami dengan isteri	Waheeda menghadapi konflik apabila Zahid menuduhnya berlaku curang dan mempertikaikan status anaknya setelah meneliti ciri-ciri fizikal yang terdapat pada bayi perempuannya itu.
	Konflik antara menantu dengan bapa mentua.	Waheeda tidak bersetuju dengan bapa mentuanya yang ingin menggabungkan Hotel Seri Gading dan Chalet Tajau Emas menjadi satu syarikat perniagaan.
<b>Jendela Menghadap Jalan</b>	Konflik antara suami dengan isteri.	Hampir 10 tahun Che Jah dan anak-anaknya menjadi mangsa penderaan suaminya, Seman yang pulang lewat malam. Akibat kesan alkohol dan kalah judi mereka sering dibelasah oleh Seman.
	Konflik antara masyarakat kampung.	Penduduk Kampung Sentosa menghadapi konflik tentang isu peletakan kubah yang baharu di masjid lama atau di masjid baharu yang akan dibina.
	Konflik antara generasi muda dengan golongan tua.	Danel yang mewakili generasi muda hari ini lebih gemar memilih rawatan moden untuk mengubati penyakit bapanya namun bapanya memilih rawatan tradisional yang diusahakan oleh datuk Lili.

<b>Songket Berbenang Emas</b>	Konflik antara bapa dengan anak.	Dahlia tidak bersetuju dengan tindakan bapanya, Embong yang ingin menghantar ibunya, Saleha ke hospital bahagia untuk mendapatkan rawatan lanjut.
	Konflik antara anak murid dengan guru.	Cikgu Salwani tidak membenarkan Dahlia keluar dari asrama untuk tinggal di rumah tetapi Dahlia berdegil dan terus meninggalkan asrama tanpa kebenaran gurunya.
	Konflik antara ibu mentua dengan menantu.	Nek Kiah tidak suka akan perkahwinan antara anaknya, Saleha dan Embong dan sering membanding-bandingkan keluarga mereka yang hidup miskin dengan anak-anak Nek Kiah yang lain.
<b>Pantai Kasih</b>	Konflik antara suami dengan isteri.	Dr Sadiz meminta Dr Raiha menggugurkan kandungan apabila mengetahui anak yang dikandungnya itu OKU tetapi tidak dipersetujui oleh Dr Raiha.
	Konflik antara menantu dengan mentua.	Bapa Dr Raiha kurang bersetuju dengan perkahwinan Dr Raiha dengan Dr Sadiz kerana usia Dr Sadiz yang hampir sebaya dengannya.
	Konflik antara majikan dengan pekerja.	Dr Uwang berasa tersinggung apabila Dr Raiha mempersoalkan sebab-sebab Unong Siron dibedah sebanyak lima kali pada tempat yang sama.
	Konflik antara pekerja dengan ketua.	Felicia berasa tersinggung apabila Dr Raiha menegur sikap kasarnya terhadap ibu Unong Siron.
<b>Bimasakti Menari</b>	Konflik antara ahli perniagaan.	Dato' Johan menganggap Tan Sri Muhaimin sebagai musuhnya dalam projek pembangunan di Kuala Selangor.
	Konflik antara pasangan suami isteri.	Perbezaan prinsip antara Tan Sri Muhaimin dan Maryam Wickham menyebabkan mereka berpisah.
	Konflik antara pekerja dengan majikan.	Nurul Hafsa merasa tidak puas hati apabila majikannya Pn Foziah menasihatinya agar tidak mengharapkan sebarang tindakan diambil berhubung laporannya terhadap masalah alam sekitar di Kuala Selangor.

<b>Di Sebalik Dinara</b>	Konflik antara suami dengan isteri.	Karl seorang ateis mahu isterinya, Rusmina meninggalkan agama yang dianutinya. Disebabkan keengganan Rusmina, dia didera sehingga cacat.
	Konflik antara rakan sekerja.	Alia berasa tidak puas hati kerana Farisha dapat berinteraksi secara bawah sedar dengan Karl. Keadaan ini menimbulkan rasa marah kepada Alia kerana dia tidak terpilih untuk melaksanakan tugas itu.
	Konflik antara penyelidik/saintis dengan pembantu penyelidik.	Marilyn / Medina merupakan pembantu penyelidik kepada Karl. Dia telah mensabotaj ingatan pembantunya itu dan menyebabkan wanita itu menjadi tidak waras kerana menganggap Marilyn / Medina sebagai pesaingnya.
<b>Silir Daksina</b>	Konflik antara suami dengan isteri.	Abdullah bin Kayan seorang berjiwa seni sibuk dengan dunia seni manakala isterinya pula seorang yang suka berniaga. Kecenderungan mereka yang berbeza menyebabkan mereka sering bertelagah sehingga bercerai.
	Konflik antara ibu dengan anak.	Konflik antara Haiqal dan ibunya timbul apabila Haiqal ingin menjejaki manuskrip yang separuh jalan yang ditinggalkan oleh bapanya. Manuskrip itu menarik minatnya untuk mengenali arwah ayahnya dengan lebih dekat.

4 (b) **Satu** peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian bagi setiap novel tersebut

<b>Novel</b>	<b>Peristiwa menggambarkan nilai keberanian (1m)</b>	<b>Huraian (2m)</b>
<b>Leftenan Adnan Wira Bangsa</b>	Peristiwa keberanian Leftenan Adnan mempertahankan Bukit Candu.	Di puncak Bukit Candu Adnan memimpin pasukannya untuk terus mempertahankan kubu yang strategik itu. Selain ramai yang terkorban, pasukan mereka juga telah kehabisan peluru namun mereka tidak mengalah untuk mempertahankan tanah air daripada jatuh ke tangan penjajah.
	Peristiwa keberanian Pak Saidi melawan tentera Jepun.	Tentera Jepun telah ke rumah Pak Saidi untuk mencari keluarga Adnan. Pak Saidi telah mempertahankan keluarganya dan telah berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun.
<b>Tirani</b>	Peristiwa keberanian Waheeda mengambil risiko membuat pinjaman untuk memajukan perniagaan.	Waheeda membuat pinjaman baharu daripada tabung usahawan siswazah Bank Pembangunan untuk membeli chalet Iwana Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya Abdul Aziz Imran.
	Peristiwa keberanian Waheeda menghadapi tuduhan negatif suaminya.	Waheeda menjelaskan kepada Dr Qamariah bahawa dia tidak takut akan tuduhan nusyuz yang dilemparkan oleh suaminya, Zahid. Hal ini kerana dia sangat yakin bahawa dia tidak pernah berlaku curang.
<b>Di Sebalik Dinara</b>	Peristiwa keberanian Azraai mendedahkan identiti sebenar adik angkatnya.	Azraai berani mengambil risiko untuk memberitahu Farisha bahawa adiknya merupakan anak angkat kepada ibu bapa mereka walaupun dia tahu adiknya akan berasa sedih akan hakikat tersebut.
	Peristiwa keberanian Karl menyelamatkan anaknya daripada ancaman.	Marilyn / Medina berani melarikan Farisha daripada Karl untuk menyelamatkan Farisha daripada menjadi bahan uji kaji. Farisha akhirnya diserahkan kepada ibu Azraai sebagai anak angkat.

<b>Silir Daksina</b>	Peristiwa keberanian Haiqal bermusafir demi amanat ayahnya.	Haiqal tidak pernah pergi ke kampung ayahnya di Johor. Dari Terengganu dia berani menaiki bas seorang diri sehingga sampai ke Batu Pahat walaupun dihalang oleh ibunya.
	Peristiwa keberanian Tauke Ong memulakan kehidupan di tempat yang asing baginya.	Tauke Ong yang berbeza latar budaya dan agama mengambil tindakan berani untuk berpindah dan menetap di Kampung Seri Purnama yang majoritinya dihuni oleh masyarakat Melayu.
<b>Jendela Menghadap Jalan</b>	Peristiwa keberanian Danel menyelamatkan mangsa culik.	Lili telah menjadi mangsa culik oleh Rafiq dan Haziq dan disembunyikan di sebuah rumah usang. Danel yang mengetahui tempat persembunyian mereka telah datang seorang diri untuk menyelamatkan Lili.
	Peristiwa keberanian Lili untuk membuat aduan tentang isu keganasan rumah tangga.	Lili berani menyuarakan permasalahan rumah tangga Cik Jah dan suaminya kepada Puan Hamimah iaitu pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat.
<b>Songket Berbenang Emas</b>	Peristiwa keberanian Dahlia terjun ke dalam sungai.	Dahlia sanggup terjun ke dalam sungai yang deras untuk menyelamatkan nyawa Said.
	Peristiwa keberanian Embong membunuh seekor ular.	Embong berani melawan dan berjaya membunuh ular sawa di ladang kelapa sawit. Ular sawa telah membelit badan Embong ketika dia mencari buluh di kawasan kelapa sawit.
<b>Pantai kasih</b>	Peristiwa keberanian Raiha mempertikaikan kegagalan pembedahan yang telah dijadankan.	Dr Raiha berani mempertikaikan kegagalan majikannya, Dr Uwang dalam menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron sehingga pesakit itu dibedah sebanyak 6 kali.
	Peristiwa keberanian Dr Raiha mempertahankan kebenaran.	Dr. Raiha hadir ke mahkamah semata-mata mempertahankan dirinya daripada tuduhan Dr Sadiz tentang kes kematian anaknya Rohayu. Raiha tidak gentar bersemuka dengan suaminya di mahkamah.
<b>Bimasakti Menari</b>	Peristiwa keberanian Muhammad Taufik bersemuka dengan	Setelah keluar dari hospital, Muhammad Taufik berani bersemuka dengan penjenayah di stesen Petronas untuk menyelamatkan Nurul Hafsa

	penjenayah.	yang telah diculik.
	Peristiwa keberanian Nurul Hafsa membuat laporan kes penculikan kepada polis.	Nurul Hafsa berani melaporkan kejadian penculikan yang telah berlaku kepada dirinya demi menyelamatkan Taufik. Dia telah membuat laporan polis dengan bantuan pemandu van sekolah yang ditahannya ketika dia berjalan seorang diri.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**